

BAB 6

ANALISIS SIKAP ATAU PENDAPAT PENGAMAL MEDIA

TENTANG PANDUAN PENYIARAN GAMBAR

6.1 ANALISIS PENDAPAT

Berikut adalah hasil soal selidik kepada 20 orang pengamal media mengenai panduan penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar di Malaysia.

1. Tahap Pengetahuan Tentang Garis Panduan

Rajah 1

<i>Soalan</i>	<i>Ada</i>	<i>%</i>	<i>Tidak Ada</i>	<i>%</i>	<i>Kurang</i>	<i>%</i>
	<i>Pasti</i>					
Adakah anda menggunakan mana-mana garis panduan dalam penulisan dan penyiaran gambar?	20	100	0	0	0	0
Adakah anda mengetahui kewujudan garis panduan penyiaran gambar dalam majalah dan akhbar di Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian dalam negeri (KDN)?	17	85	0	0	3	15

Dapatan analisis mengenai tahap pengetahuan pengamal media tentang kewujudan Garis Panduan Penyiaran Gambar dalam majalah dan akhbar di Malaysia yang dikeluarkan oleh KDN adalah tinggi iaitu sebanyak 85 peratus berbanding 15 peratus sahaja yang masih kurang pasti tentang kewujudan garis panduan tersebut (rujuk Rajah 1).

Sementara itu, hampir semua responden menggunakan garis panduan tertentu dalam penulisan dan penyiaran gambar bagi penerbitan mereka. Pengkaji berpendapat responden yang mengetahui kewujudan garis panduan mungkin pernah mengikuti pendidikan dalam bidang komunikasi di universiti atau kolej dan mereka sudah didedahkan dengan subjek Undang-undang Penerbitan serta juga sedikit sebanyak latar belakang dan fungsi Bahagian Kawalan Penerbitan KDN.

Manakala responden yang menjawab ‘kurang pasti’ pula adalah mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan bidang komunikasi dan menceburi bidang kewartawanan berdasarkan minat dan bakat yang mendalam sahaja. Selain itu mereka mungkin kurang peka terhadap kewujudan dan peranan KDN.

2. Sikap Terhadap Garis Panduan

Rajah 2

Soalan	Setuju	%	Tidak	%	Kurang	%
	Setuju		Setuju		Setuju	
Adakah anda bersetuju dengan garis panduan penyiaran gambar yang dikeluarkan oleh KDN?						
Ya	%	Tidak	%	Kurang pasti	%	
Apakah garis panduan ini menyekat penerbitan anda?	0	0	20	100	0	0

Hasil analisis mendapati sebanyak 80 peratus responden bersetuju dengan Garis Panduan Penyiaran Gambar yang dikeluarkan oleh KDN.

Manakala 10 peratus responden tidak bersetuju dengan garis panduan tersebut. (rujuk Rajah 2) Mereka memberi alasan bahawa berlaku kepincangan dalam menentukan had penyiaran gambar antara penerbitan tempatan dan luar negara.

Sementara itu, 10 peratus lagi responden menjawab kurang setuju dengan garis panduan penyiaran gambar oleh KDN kerana panduan yang diberi dianggap tidak sesuai dengan konsep majalah dan rencana yang diterbitkan. Responden berpendapat kadang-kadang berlaku *double-standard* antara sebuah penerbitan dengan penerbitan yang lain tentang penyiaran sesuatu gambar. Sementara itu, semua responden yang ditemui menyatakan bahawa garis panduan ini tidak menghalang kreativiti dan kebebasan dalam penerbitan mereka.

3. Penggunaan Garis Panduan

Rajah 3

Soalan	Panduan Syarikat	%	Panduan Sendiri	%	Tidak Ada Panduan	%	Lain-lain	%
✓ Pernah sebarang unduan yang anda makan?	12	60	5	25	0	0	3	15
- ✓ Adakah anda merujuk garis panduan yangikeluarkan oleh KDN?			Ya	%	Tidak	%	Tidak Pasti	%
- ✓ Adakah anda mematuhi epenuhnya garis unduan gambar yangikeluarkan oleh KDN?			16	8	3	15	1	5
- ✓ Adakah anda mematuhi epenuhnya garis unduan gambar yang likeluarkan oleh KDN?			Ya	%	Tidak	%	Kurang Mematuhi	%
			8	40	0	0	12	60
- ✓ Adakah penerbitan/penulisan anda pernah memaparkan gambar-gambar yang tidak bermoral?			Ya	%	Tidak	%	Kadang-kadang	%
			0	0	20	100	0	0
- ✓ Pernahkah anda diberi amaran kerana melanggar garis panduan yang diterbitkan oleh KDN?					Pernah	%	Tidak Pernah	%
					0	0	20	100

Analisis soal selidik pengamal media terhadap penggunaan sebarang garis panduan penyiaran gambar mendapat 60 peratus responden menggunakan 'Panduan Syarikat', 25 peratus menggunakan panduan sendiri dan 15 peratus menggunakan lain-lain panduan iaitu Panduan KDN dan Panduan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ini menunjukkan Garis Panduan Syarikat menjadi pilihan utama dan tahap penggunaannya lebih tinggi berbanding dengan Garis Panduan KDN.
(Lihat Rajah 3)

Analisis terhadap tahap penggunaan pengamal media juga menunjukkan 80 peratus responden telah merujuk garis panduan yang dikeluarkan oleh KDN, 15 peratus tidak membuat rujukan dan 5 peratus lagi tidak pasti sama ada merujuk atau tidak. Namun, peratusan tinggi yang menunjukkan pengamal media merujuk Garis Panduan KDN sebenarnya tidak bermakna mereka mematuhi Garis Panduan tersebut. Ini terbukti apabila 40 peratus sahaja responden yang mematuhi garis panduan manakala 60 peratus lagi kurang mematuhi. Tahap penggunaan garis panduan penyiaran gambar adalah rendah di kalangan responden.

6.2 KEPENTINGAN GARIS PANDUAN PENYIARAN GAMBAR

Sebahagian besar responden berpendapat garis panduan penyiaran gambar perlu wujud untuk memastikan kualiti penerbitan lebih cenderung kepada mendidik dan menghiburkan pembaca, menjaga sensitiviti agama dan kaum, menwujudkan media yang bertanggungjawab terhadap masyarakat dengan penyiaran gambar yang memberi kesan positif dari sudut spiritual dan mental, membezakan

penerbitan berinformasi dan penerbitan pornografi serta mewujudkan satu *standard* penerbitan bermutu di kalangan penerbit di Malaysia.

6.3 KESEDARAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL PENGAMAL MEDIA

Sebahagian besar responden menyatakan tidak patut menyiarkan gambar yang tidak bermoral kerana setiap pengamal penerbitan perlu mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Majalah dan akhbar yang menyiarkan gambar tidak bermoral akan memberi kesan kepada pemikiran pembaca.

Sementara itu, seorang responden berpendapat gambar yang memberi informasi berkenaan pengetahuan yang patut mendedahkan beberapa perkara kepada pembaca seperti masalah seks atau kesihatan seks boleh disiarkan. Namun ia mestilah mempunyai ciri-ciri ilmiah sebagai syarat iaitu gambar yang disiarkan mestilah berkaitan dengan artikel yang ditulis.

Antara tanggungjawab sosial pengamal media ialah untuk mengawal penyiaran gambar-gambar yang tidak bermoral dalam sesuatu penerbitan dan membetulkan kekeliruan yang wujud dalam penyiaran gambar, misalnya, apabila terdapat artikel-artikel yang menyatakan berkenaan keruntuhan moral atau kejatuhan akhlak, remaja berpeleseran dan sebagainya, media sering memikirkan untuk menyiarkan gambar yang berkaitan. Sebenarnya media boleh menyiarkan gambar-gambar yang berunsur positif yang memberi imej baik di mata masyarakat agar mereka boleh mencontohnya.

Pengamal media juga disaran supaya mendidik dan mengawal diri sendiri dalam penerbitan majalah masing-masing dengan cara memastikan setiap foto yang diambil dan dimasukkan tidak bertentangan dengan norma-norma masyarakat atau khalayak umum. Sikap prihatin terhadap penyiaran gambar-gambar walaupun mempunyai potensi untuk menarik pembaca sepatutnya menjadi keutamaan bagi memastikan peranan media massa untuk mendidik masyarakat tercapai dan tidak diperlekehkan.

Media hendaklah memaparkan gambar-gambar yang mempunyai nilai mulia dan murni di samping gambar-gambar bernilai simbolik, bernilai cerita dan bernilai berita yang tidak lari dari batas moral serta selari dengan Islam dan fitrah murni setiap manusia.

Media bertanggungjawab menyatakan artikel tentang keburukan gambar-gambar negatif dalam konteks agama, iaitu bahaya pandangan mata. Media harus menyatakan bahawa gambar tersebut tidak bermoral atau tidak digalakkan untuk diikuti. (contoh: ‘Ini hanya gambar hiasan, jangan diikuti’). Di samping itu, syarikat penerbitan perlu mewujudkan ‘gatekeeper’ yang benar-benar faham undang-undang penerbitan.

Pandangan responden terhadap rata-rata majalah dan akhbar di pasaran sekarang didapati tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KDN. Mengapa hal ini berlaku? Semua responden memberikan jawapan yang hampir sama. Sebahagian besar responden berpendapat penerbitan majalah adalah satu perniagaan yang menguntungkan. Demi keuntungan, penerbit akan membuat

sesuatu yang terbaik untuk menarik minat pembacanya. Maka tidak hairanlah penerbit meletakkan gambar-gambar wanita cantik dan jelita dengan gaya yang seksi dan menghairahkan sebagai penghias ‘cover’ atau kulit depan majalah sebagai pelaris.

Responden berpendapat wujudnya sikap tidak bertanggungjawab dan kurang disiplin di kalangan sesetengah pengamal media adalah kerana mereka terlalu memikirkan faktor komersil dan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan tanggungjawab terhadap masyarakat dan mengenepikan undang-undang. Kadangkala ia dilakukan untuk mlariskan jualan dan menunjukkan kehebatan di kalangan pesaing-pesaing. Selain itu, persaingan majalah dan akhbar yang semakin banyak dan sengit menjadikan pihak masing-masing sentiasa berebut untuk mendapatkan nama dan keuntungan.

Hasil analisis mendapati sebahagian besar responden berpendapat KDN tidak bertindak tegas dan tidak mampu memantau penerbitan sedemikian. Manakala penerbit kecil atau ‘hantu’ tidak mempedulikan tentang perkara itu asalkan majalah atau bahan terbitan mereka laku dijual di pasaran. Terdapat sesetengah pengamal media bersikap ‘tak apa’ melanggar garis panduan itu asalkan tidak melanggar perinsip perniagaan, justeru mereka terus memaparkan apa ahaja yang khalayak mahu. Selain itu, kebanyakan media dibiayai oleh ahli perniagaan yang lebih mengutamakan untung dan rugi dari sudut pulangan wang, bukan untung dan rugi dari sudut pembangunan insan dan masyarakat.

Selain faktor kurangnya penguatkuasaan oleh pihak berwajib, pengusaha mudah mendapatkan lesen penerbitan majalah dan akhbar. Sikap pembaca dan sambutan yang tinggi terhadap majalah dan akhbar sedemikian menyebabkan penerbitan sedemikian berlambakan di pasaran. Sebahagian khalayak pembaca sendiri belum terdidik imannya hingga mereka tidak ada kekuatan dalaman untuk berkata ‘tidak’ kepada wadah media yang tidak bermoral kerana semua itu memang sesuai dengan selera nafsu.

6.4 PERANAN GAMBAR DALAM PENERBITAN

Rata-rata responden yang ditemui mempunyai pandangan tersendiri mengenai peranan gambar dalam sesuatu penerbitan. Antara responden berpendapat gambar berupaya menarik perhatian pembaca walaupun teksnya kurang menyerlah dan menarik. Gambar yang berwarna-warni bukan sahaja lebih menarik malah dapat menghidupkan suasana dan ‘mood’ pembaca.

Di samping itu, gambar boleh memaparkan contoh teladan dan nilai mulia lagi murni. Ia juga membawa pembaca berfikir, membawa nilai cerita yang boleh membuatkan khalayak berasa insaf, sedar tanggungjawab dan mempunyai empati terhadap orang lain. Membawa nilai berita dalam erti kata memaparkan sesuatu yang baru, luar biasa atau unik yang mampu menyingkap minda dan mengetuk pintu kesedaran di hati. Gambar juga berperanan sebagai hiasan, penerangan tentang fakta, dan propaganda.

Analisis pandangan pengamal media tentang gambar-gambar yang mempamerkan bentuk tubuh menjadi daya penarik dalam sesuatu penerbitan mendapati sebahagian besar responden bersetuju dengan kenyataan bahawa gambar yang menonjolkan bentuk tubuh menjadi daya penarik dalam sesuatu penerbitan kerana realitinya dalam pasaran sekarang. Namun daripada fenomena yang berlaku, tubuh badan banyak dieksplotasi untuk perkara yang tidak perlu. Sebagai contoh iklan barang kemas, jam tangan, telefon bimbit dan sebagainya. Kadangkala model yang memperagakan lebih menonjol daripada barang yang diperagakan.

Manakala 35 peratus responden tidak bersetuju bahawa gambar-gambar yang mempamerkan bentuk tubuh menjadi daya penarik dalam sesuatu penerbitan kerana banyak lagi bahan yang boleh menggantikannya. Paparan gambar tidak bermoral seperti itu hanya digunakan untuk majalah-majalah dan akhbar tertentu sahaja. Responden berpendapat, hanya pengamal media yang kekurangan bahan pelaris dalam bentuk siraman rohani, santapan minda, idea dinamis dan pemikiran positif, yang beranggapan bahawa manusia hanya memiliki nafsu tetapi tidak memiliki fitrah murni dan minda suci. Tetapi tidak bagi pengamal media yang sedar bahawa dalam diri manusia (khalayak) ada telaga rohani yang dahagakan pengisian dan ada lautan minda yang laparkan bahan ilmu dan maklumat. Mereka akan menyediakan bahan-bahan yang benar-benar relevan dan diadun dengan gaya persembahan yang memikat.

Sebanyak 5 peratus responden berpendapat, kenyataan tersebut adalah sesuatu yang subjektif kerana ia bergantung kepada perspektif setiap orang yang memandang.

Analisis respons pengamal media terhadap senario beberapa majalah terbitan tempatan berbahasa Melayu di pasaran hari ini yang jelas melanggar peraturan garis panduan penyiaran gambar mendapati sebanyak 60 peratus responden berpendapat senario ini akan terus berlaku selagi pengamal media, pendukung (pembiaya) media, khalayak dan penguatkuasaan undang-undang belum mampu membuat anjakan paradigma. Pihak bertanggungjawab harus meletakkan media bukan sebagai bahan atau wadah komersil semata-mata tetapi sebagai wadah mendidik diri dan masyarakat, serta mengambil Islam sebagai neraca pertimbangan dan sumber utama bahan.

Manakala sebanyak 30 peratus responden berpendapat senario itu terus berlaku kerana penerbit lebih memikirkan jualan dan keuntungan tanpa memikirkan tanggungjawab mereka kepada masyarakat. Namun sikap ‘double standard’ yang berlaku terhadap penguatkuasaan undang-undang juga ketara. Ada syarikat yang terang-terang melanggar etika tetapi tiada tindakan yang diambil terhadap mereka. Jika keadaan ini berlaku, KDN wajib mengambil tindakan dengan memberi amaran, surat tunjuk sebab dan mungkin boleh digantung penerbitan untuk suatu tempoh tertentu.

Terdapat 10 peratus responden mengambil sikap berkecuali tanpa memberi sebarang komen. Namun terdapat di antara responden menyarankan

supaya merujuk kepada KDN. Analisis respons pengamal media mengenai pandangan terhadap garis panduan penyiaran secara keseluruhan mendapati sebahagian responden menyatakan garis panduan ini baik jika diikuti oleh semua pihak tetapi perlu ada keseragaman dari segi pelaksanaan hukuman. Media cetak perlu memikirkan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat kerana penyiaran gambar yang tidak bermoral boleh mendorong kepada keruntuhan akhlak dan gejala sosial.

Garis panduan ini perlu dikuatkuasakan oleh KDN secara adil dan saksama demi kehormonian dan perpaduan masyarakat. Garis panduan ini perlu dirombak semula agar ia benar-benar dipatuhi oleh semua pihak tanpa sebarang pengecualian. Panduan ini juga perlu diperbaiki terutama yang melibatkan penerbitan luar negara. Garis panduan yang sedia ada boleh diperincikan lagi dengan mengambil kira sensitiviti masyarakat yang bukan sekadar sensitif dengan hal-hal yang menyimpang dari norma sosial dan budaya Timur tetapi juga menyimpang dari tuntutan agama terutama agama Islam yang diwartakan sebagai agama rasmi.

6.5 RUMUSAN DAN CADANGAN

Daripada analisis soal selidik kepada pengamal media tentang Garis Panduan Penyiaran Gambar, kajian ini merumuskan bahawa hanya sebahagian besar pengamal media iaitu 17 daripada 20 orang yang tahu tentang kewujudan garis panduan penyiaran gambar secara jelas, manakala selebihnya kurang peka tentang

panduan itu.

Terdapat pengamal media yang sedar tentang wujudnya garis panduan tetapi enggan mematuohnya. Manakala pendukung media lebih mementingkan keuntungan dari sudut komersil daripada memikirkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Garis panduan yang sedia ada sebahagiannya terlalu longgar dan ia perlu diperincikan semula dengan memberikan takrifan setiap panduan secara lebih jelas.

Tidak berguna sesuatu akta yang lengkap dan baik sekiranya ia tidak diikuti dan dihormati oleh mereka yang bertanggungjawab. Garis panduan perlu dipatuhi oleh semua pihak tanpa sebarang pengecualian. Gejala sosial yang berlaku hari ini dipengaruhi oleh gambar-gambar yang tidak bermoral, terutama media cetak. Usaha membenterasnya tidak akan berjaya selagi puncanya iaitu media tidak diperbetulkan dahulu dan disekat. Terdapat segelintir wartawan yang tidak bersetuju dengan penyiaran gambar-gambar tidak bermoral dalam penerbitan mereka, tetapi terpaksa mengikut arahan daripada editor dan kehendak syarikat.

Masalah pelanggaran garis panduan gambar akan terus berlaku sekiranya pengamal media masih tidak sedar tentang tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang oleh KDN tidak dijalankan secara serius. Syarikat yang terang-terang melanggar garis panduan perlu diambil tindakan tegas oleh KDN.

Kebanjiran majalah dan akhbar yang memaparkan gambar-gambar tidak bermoral akan terus bermaharajalela di pasaran sekiranya khalayak pembaca terus memberi sokongan. Pengamal media perlu menyedari tanggungjawab masing-masing. Kawalan yang lebih ketat perlu dilaksanakan sebagai langkah pencegahan kegiatan tidak bermoral hasil daripada pengaruh penyiaran gambar yang kurang diberi perhatian. Jangan kerana terlalu mementingkan keuntungan dan nilai komersil, kita mengetepikan tanggungjawab besar sebagai pengamal media yang berpengaruh.

Berdasarkan analisis soal selidik pengamal media tentang garis panduan penyiaran gambar, kajian ini mencadangkan pendukung media (pembiaya) atau penerbit perlu mempunyai satu garis panduan syarikat yang khusus dan jelas mengenai penyiaran gambar untuk majalah dan akhbar masing-masing. Garis panduan tersebut hendaklah selaras dan tidak bertentangan dengan panduan KDN. Panduan KDN perlu dirujuk sebagai panduan yang utama. Pengamal media perlu dihantar mengikuti kursus dan bengkel mengenai tanggungjawab dan etika pengamal media di samping mempelajari undang-undang penerbitan dan fungsi Kawalan Penerbitan KDN.

KDN perlu lebih bertanggungjawab dan serius melaksanakan peranan mereka. KDN harus memperbanyak promosi dan kempen ke arah memperkenalkan Garis Panduan Penyiaran untuk memberi kesedaran kepada pihak pengamal media khususnya dan masyarakat amnya. Selain itu, syarat-syarat pemberian permit penerbitan perlu dikaji semula supaya ia lebih ketat bagi

mengelak wujudnya penerbit-penerbit yang tidak bertanggungjawab. Pengamal media harus berani menyuarakan pendapat mereka sekiranya tidak bersetuju dengan kehendak editor yang mahu gambar-gambar tidak bermoral disiarkan.